

# MARDI tingkat bekalan benih padi, daging memenuhi keperluan negara

## Jaminan pengguna dapat makanan berkhasiat mencukupi

**Mohd Feroz**

feroz@bharian.com.my



**K**ESELAMATAN makanan bermaksud semua pengguna mempunyai makanan berkhasiat mencukupi setiap hari bagi menjalani kehidupan seharian. Antara lain, ancaman kepada keselamatan makanan boleh datang daripada peperangan dan perubahan iklim seperti hujan dan panas melampau yang merosakkan ladang serta memusnahkan tanaman.

Perubahan iklim juga boleh menyebabkan kemarau yang memusnahkan pokok yang menyediakan makanan secara langsung kepada manusia atau tanaman yang menjadi makanan kepada ternakan yang membekalkan makanan kepada manusia.

Dengan beras sebagai makanan ruji penduduk negara ini, bekalan makanan utama itu menjadi tumpuan kepada agensi kerajaan bagi memastikan jumlahnya mencukupi keperluan semua.

Negara mempunyai lebih 400,000 hektar sawah padi dan ini bermakna sekurang-kurangnya 250 tan benih asas padi perlu dibekalkan kepada semua pengeluar benih sah seluruh negara setiap tahun.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memainkan peranan utama untuk membekalkan benih padi asas bermutu tinggi mengikut MS ISO 9001:2008 dengan pelbagai varieti bagi memenuhi keperluan tertentu.

Sejak 1971, institut itu berjaya menghasilkan lebih daripada 35 varieti padi sebagai jaminan kepada bekalan makanan ruji negara ini.

Ketua Pengarah MARDI, Datuk Dr Abd Shukor Abd Rahman, berkata dua varieti paling popular ialah MR219 dan MR220 yang ditanam di kira-kira 90 peratus sawah padi tempatan.

Bagi memastikan petani menerima dan menanam benih padi berkualiti tinggi, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melantik beberapa syarikat untuk menanam dan membekal benih padi yang sah kepada petani di seluruh negara.

"Dengan mengambil kira iklim yang tidak menentu seperti banjir atau kemarau, MARDI merancang menghasilkan 270 tan benih padi asas bermutu tinggi tahun ini.

"Ini disebabkan, jika sawah ditenggelami air atau cuaca panas, hingga merosakkan padi petani memerlukan benih baru untuk proses tanam semula," katanya di Serdang, Selangor.

Abd Shukor memiliki ijazah doktor falsafah (PhD) dan sarjana dalam fisiologi tanaman dari University of Florida, Amerika Syarikat.

Selain bekalan benih padi, MARDI juga terlibat secara langsung dalam usaha meningkatkan bekalan daging untuk keperluan tempatan.

Langkah untuk mengurangkan import daging negara itu dilakukan menerusi

pembiak-bakaan lembu dan kambing.

Abd Shukor berkata, baka lembu dan kambing yang baik itu dipertingkatkan jumlahnya menerusi ladang penganda, iaitu ladang penternak swasta dan agensi kerajaan yang mendapat bimbingan oleh MARDI.

Pengusaha ladang penganda kemudian akan menjual anak lembu atau kambing berkualiti itu kepada penternak di seluruh negara.

Baka lembu Brakmas yang dihasilkan oleh MARDI iaitu kacukan lembu Brahman dari India dengan baka tempatan sesuai diternak dalam agro-iklim tropika.

Bagi lembu Brakmas, MARDI melantik empat ladang penganda, manakala bagi kambing Boer, ada tujuh ladang penganda.

Belliau berkata, MARDI bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk membantu penternak datang lembu dan kambing dalam pengeluaran secara komersial.

"Bagi tujuan penyelidikan pada masa depan, MARDI antara lain mempunyai koleksi embrio dan semen haiwan ternakan dari pelbagai negara yang disenyawa berasaskan pernianman berdasar dan pemindahan embrio.

"Aktiviti penyelidikan dan kemudahan ini terdapat di Pusat Embrio Haiwan Negara di Kluang, Johor," katanya.

Menerusi Pusat Teknologi Makanan pula, penyelidikan MARDI membangunkan pelbagai makanan berfungsi berasaskan beras, daging, dan herba untuk dikomersialkan oleh usahawan makanan tempatan.

Makanan berfungsi diproses untuk keperluan khas seperti makanan atlit, bayi, orang dewasa atau orang yang mempu-




*Dengan mengambil kira iklim yang tidak menentu seperti banjir atau kemarau, MARDI merancang menghasilkan 270 tan benih padi asas bermutu tinggi tahun ini. Ini disebabkan, jika sawah ditenggelami air atau cuaca panas, hingga merosakkan padi petani memerlukan benih baru untuk proses tanam semula*

**Abd Shukor Abd Rahman**  
Ketua Pengarah MARDI



HASIL tualan pertama padi MR219 yang ditanam di Batang Lupar, Sri Aman sama seperti ditanam di Kedah.



MARDI memainkan peranan utama untuk mem-

nyai masalah kesihatan seperti diabetes.

Makanan berfungsi bermakna makanan berkenaan diproses mengikut keperluan tertentu bagi menghasilkan gaya hidup yang sihat dan selamat.

Abd Shukor berkata, MARDI sudah menghasilkan 'granolar bar' iaitu makanan berfungsi yang memberi tenaga untuk atlit dan mereka yang aktif.

Makanan itu diadun antara lain daripada roselle, beras, oat dan madu asli itu mengandungi glukos yang cepat diserap oleh badan untuk memberi tenaga kepada pengguna khususnya ahli sukan.

Beberapa lagi produk lain seperti 'sparkling' jus buah salak dan jambu juga pada peringkat penilaian skala secara komersial.

Belliau berkata, benih buah salak varieti baru ST1, ST2 dan ST3 sedang di tanam pada peringkat ladang komersial oleh petani, syarikat swasta dengan kerjasama kerajaan negeri Terengganu.

Abd Shukor berkata, MARDI sebelum ini juga berjaya membangunkan kacang tanah bermutu tinggi yang dinamakan 'Margenta' dan jagung manis 'Hibrima'.

Ubi kentang Vitato hasil inovasi institut itu pula mempunyai vitamin A dan karotini tinggi serta sesuai untuk penghidap diabetes.

BERSEKUTUAN

**270**  
tan

Benih padi asas bermutu tinggi dirancang dihasilkan MARDI tahun ini